

Sinar Harian

SN @

SINAR @ NEGERI

Anggota penyelamat memindahkan mangsa banjir di Terengganu.



Info situasi banjir seluruh negara (Khamis, 25 Januari 2024)

KELANTAN
Mangsa: 504
PPS: 7

TERENGGANU
Mangsa: 1,329
PPS: 19

PAHANG
Mangsa: 160
PPS: 1



JOHOR
Mangsa: 0
PPS: 0

JUMLAH: 1,993
(7 petang Khamis)

*SUMBER INFO BENCANA JKM

Empat negeri dilanda banjir gelombang ke-4

Jumlah mangsa terus meningkat di Terengganu dan Kelantan, PPS dibuka

KUALA TERENGGANU

Empat negeri dilanda banjir gelombang keempat dengan jumlah mangsa banjir di Terengganu dan Kelantan terus meningkat.

Sebanyak 19 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di beberapa daerah iaitu Besut, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu dan Setiu bagi menempatkan kesemua penduduk yang terjejas.

Setakat jam 7 petang pada Khamis, terdapat satu PPS diaktifkan di Pahang dan tujuh PPS dibuka di Kelantan.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pula dalam satu kenyataan memaklumkan, Besut merupakan daerah paling teruk terjejas akibat banjir di Terengganu.

Menurut Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, terdapat mangsa

banjir ditempatkan di dua PPS iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Changgai dan SK Wakaf Raja di Kelantan.

"Kesemua mangsa yang terjejas ini dari Kampung Daram Buaya dan Batu Hitam," katanya.

Dalam pada itu, kesemua sungai utama di Kelantan masih berada pada bacaan normal

kecuali Sungai Kelantan di Tangga Krai (Kuala Krai) yang melepasi bacaan berjaga-jaga manakala Sungai Semerak di Jambatan Melor pula berada pada tahap amaran.

Di Kuantan, penduduk di Sungai Lembing mendakwa kejadian banjir kilat di pekan itu lewat petang Rabu berpunca daripada air dari bukit sekitar penempatan mereka.

Seorang penduduk, Saleh Kidam, 81, berkata, limpahan air bukit dan sungai serta hujan lebat memburukkan lagi keadaan di kawasan itu.

"Mulanya air bukit melimpah, selepas itu air sungai, jadi bila bertembung, tidak sampai setengah jam banjir," katanya yang kini ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Lembing.

Pegawai Operasi Angkatan



SALEH

Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kuantan, Mohd Lokman Hakim Abdullah pula berkata, pihak APM bersama agensi terlibat akan sentiasa membuat pemantauan di kawasan sekitar Sungai Lembing

Katanya, beberapa laluan di Sungai Lembing tidak dapat dilalui kenderaan ringan dan berat.

Sementara itu di Johor Bahru, seramai 17 penganut agama Hindu tidak sempat melakukan persiapan sambutan Thaipusam di Kuil Sri Muniswarar Maha Mariamman, Kampung Kangkar Tebrau Kiri selepas rumah ibadat itu dilanda banjir pada Rabu malam.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tebrau, Pegawai Bomba Kanan I Khairul Azhar Abd Aziz berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung bencana itu pada jam 10.13 malam.

"Lapan anggota dibantu satu jentera Fire Rescue Tender (FRT), satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dan sebuah bot dikejarkan ke tempat kejadian untuk memindahkan semua mangsa.

"Seramai 17 mangsa didapati terperangkap dalam kuil berkenaan sebelum pihak bomba memindahkan mereka ke tempat selamat," katanya.



TERENGGANU 26




Pusat Konservasi Gajah Tasik Kenyir dilanda kepala air

MELAKA 27



Lima lembu terbiar dilelong RM11,700

PAHANG 28



Runner OKU promosi perkhidmatan guna papan iklan digital

FOTO: BERNAMA



MANFAAT CUTI UMUM... Orang ramai mengambil kesempatan berkunjung ke Zoo Negara bersama keluarga sempena cuti umum perayaan Thaipusam pada Khamis.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari

Sinar SN @ SINAR @ NEGERI

TERENGGANU



26
Pusat Konservasi Gajah Tasik Kenyir dilanda kepala air

MELAKA



27
Lima lembu terbiar dilelong RM11,700

PAHANG



28
Runner OKU promosi perkhidmatan guna papan iklan digital

FOTO: BERNAMA



MANFAAT CUTI UMUM... Orang ramai mengambil kesempatan berkunjung ke Zoo Negara bersama keluarga sempena cuti umum perayaan Thaipusam pada Khamis.

Anggota penyelamat memindahkan mangsa banjir di Terengganu.



Info situasi banjir seluruh negara (Khamis, 25 Januari 2024)

KELANTAN
Mangsa: 504
PPS: 7

TERENGGANU
Mangsa: 1,329
PPS: 19

PAHANG
Mangsa: 160
PPS: 1



JOHOR
Mangsa: 0
PPS: 0

JUMLAH: 1,993
(7 petang Khamis)

*SUMBER INFO BENCANA JKM

Empat negeri dilanda banjir gelombang ke-4

Jumlah mangsa terus meningkat di Terengganu dan Kelantan, PPS dibuka

KUALA TERENGGANU

Empat negeri dilanda banjir gelombang keempat dengan jumlah mangsa banjir di Terengganu dan Kelantan terus meningkat.

Sebanyak 19 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di beberapa daerah iaitu Besut, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu dan Setiu bagi menempatkan kesemua penduduk yang terjejas.

Setakat jam 7 petang pada Khamis, terdapat satu PPS diaktifkan di Pahang dan tujuh PPS dibuka di Kelantan.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pula dalam satu kenyataan memaklumkan, Besut merupakan daerah paling teruk terjejas akibat banjir di Terengganu.

Menurut Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, terdapat mangsa

banjir ditempatkan di dua PPS iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Changgai dan SK Wakaf Raja di Kelantan.

"Kesemua mangsa yang terjejas ini dari Kampung Daram Buaya dan Batu Hitam," katanya.

Dalam pada itu, kesemua sungai utama di Kelantan masih berada pada bacaan normal

kecuali Sungai

Kelantan di Tangga Krai

(Kuala Krai) yang melepasi

bacaan berjaga-jaga mana-

kala Sungai Semerak di

Jambatan Melor pula ber-

ada pada tahap amaran.

Di Kuantan, penduduk di Sungai Lembing mendakwa kejadian banjir kilat di pekan itu lewat petang Rabu berpunca daripada air dari bukit sekitar penempatan mereka.

Seorang penduduk, Saleh Kidam, 81, berkata, limpahan air bukit dan sungai serta hujan lebat memburukkan lagi keadaan di kawasan itu.

"Mulanya air bukit melimpah, selepas itu air sungai, jadi bila bertembung, tidak sampai setengah jam banjir," katanya yang kini ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Lembing.

Pegawai Operasi Angkatan



SALEH

Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kuantan, Mohd Lokman Hakim Abdullah pula berkata, pihak APM bersama agensi terlibat akan sentiasa membuat pemantauan di kawasan sekitar Sungai Lembing

Katanya, beberapa laluan di Sungai Lembing tidak dapat dilalui kenderaan ringan dan berat.

Sementara itu di Johor Bahru, seramai 17 penganut agama Hindu tidak sempat melakukan persiapan sambutan Thaipusam di Kuil Sri Muniswarar Maha Mariamman, Kampung Kangkar Tebrau Kiri selepas rumah ibadat itu dilanda banjir pada Rabu malam.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tebrau, Pegawai Bomba Kanan I Khairul Azhar Abd Aziz berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung bencana itu pada jam 10.13 malam.

"Lapan anggota dibantu satu jentera Fire Rescue Tender (FRT), satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dan sebuah bot dikejarkan ke tempat kejadian untuk memindahkan semua mangsa.

"Seramai 17 mangsa didapati terperangkap dalam kuil berkenaan sebelum pihak bomba memindahkan mereka ke tempat selamat," katanya.



Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari